

FALSAFAH SEJARAH SYED MUHAMMAD NAQUIB AL-ATTAS: ANALISIS TEKS ISLAM DALAM SEJARAH DAN KEBUDAYAAN MELAYU. Oleh: Noratiqah Ahmad Kazmar dan Azmul Fahimi Kamaruzaman. 2020. Cetakan Pertama. Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia. Halaman 85. ISBN 978-967-2429-71-5

Syed Muhammad Naquib al-Attas merupakan seorang sarjana dan ahli falsafah sejarah Malaysia yang diiktiraf sebagai pemikir Islam moden terkemuka pada abad ke-21. Beliau dilahirkan di Bogor, Jawa Barat pada tahun 1931. Dari sebelah bapa, al-Attas berketurunan Ba'Alawi dari Hadhramaut dengan susur galur yang bersambung kepada Rasulullah SAW, manakala sebelah ibunya berasal daripada Sunda. Latar belakang keluarga beliau yang terlibat dalam bidang pentadbiran, dakwah dan golongan berpengaruh telah membentuk persekitaran awal yang kondusif terhadap perkembangan intelektual al-Attas.

Buku ini bertujuan menghuraikan kerangka falsafah sejarah yang dikemukakan oleh Syed Muhammad Naquib Al-Attas sebagai keahliannya dalam pendidikan Sejarah dan Kebudayaan Melayu. Karya ini merupakan antara usaha terawal yang membincangkan secara khusus pemikiran falsafah sejarah al-Attas dan diterbitkan buat pertama kali pada tahun 2020. Selain itu, kandungan buku memberikan penerangan secara menyeluruh tentang kemunculan, peranan dan pengaruh Islam dalam pembentukan sejarah serta kebudayaan Melayu melalui analisis wacana ilmiah yang menjadi asas pemikiran al-Attas.

Penelitian terhadap buku ini penting kerana kandungannya menyediakan kerangka konseptual yang sistematik untuk memahami falsafah sejarah menurut pandangan al-Attas. Selain itu, buku ini signifikan sebagai rujukan akademik dalam institusi pendidikan kerana pendekatannya yang bukan sahaja menilai sejarah sebagai catatan peristiwa, malahan menjadikan sejarah sebagai proses berteraskan makna dan nilai yang sarat dengan tujuan dan tanggungjawab insan sebagai hamba dan khalifah, khususnya dalam memahami peranan Islam dalam pembentukan budaya dan tamadun. Penekanan terhadap tipologi sejarah, sumber sejarah dan prinsip falsafah sejarah yang dibawa oleh al-Attas membantu pembaca mengenal pasti perbezaan diantara kerangka sejarah falsafah Islam dan kerangka sekular Barat, sekali gus mengelakkan kekeliruan epistemologi dalam memahami sejarah dan kebudayaan Melayu. Selain itu, buku ini turut menyumbang kepada pengukuhan pandangan peranan Islam dalam wacana sejarah dengan membimbing pembaca menilai sejarah dan kebudayaan Melayu secara lebih kritis, bersepadu dan berteraskan prinsip pandangan Islam.

Sebelum meneruskan ulasan, wajarlah diperkenalkan terlebih dahulu latar belakang penulis, iaitu Noratiqah Ahmad Kazmar dan Azmul Fahimi Kamaruzaman. Noratiqah Ahmad Kazmar merupakan lulusan sarjana di Universiti Kebangsaan Malaysia dan kini sedang berkhidmat sebagai pendidik di sebuah sekolah kebangsaan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Sementara itu, Azmul Fahimi Kamaruzaman merupakan pensyarah di Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia serta dikenali sebagai sarjana yang mempunyai kepakaran dalam bidang falsafah sejarah dan tamadun Islam. Kepakaran tersebut turut diiktiraf melalui penerimaan pelbagai anugerah sebagai manifestasi komitmen beliau dalam dunia akademik. Di samping itu, penglibatan beliau secara aktif dalam penerbitan karya ilmiah, khidmat akademik sosial di peringkat dalam dan luar universiti serta penyeliaan pelajar dalam bidang falsafah sejarah dan tamadun Islam membuktikan penguasaan dan komitmen yang mendalam terhadap bidang tersebut, sekali gus mengukuhkan autoriti karya akademik yang dihasilkan.

Karya ini terbahagi kepada empat bab utama yang menghuraikan tentang analisis teks Islam dalam sejarah dan kebudayaan Melayu (IDSKM) menurut perspektif al-Attas. Bab pertama memperkenalkan latar belakang, salasilah keluarga, permusafiran ilmu, bakat seni, perjalanan akademik, penulisan ilmiah serta historiografi al-Attas. Seterusnya, bab kedua mengupas tentang tipologi falsafah sejarah dalam IDSKM yang mengandungi lima skop utama iaitu konsep sejarah dan falsafah sejarah, teori Henri Pirenne, pentafsiran semula sejarah Islam di Kepulauan Melayu-Indonesia dan memartabatkan bahasa, kesusasteraan dan kebudayaan Melayu. Selanjutnya, dalam bab ketiga meneliti sumber falsafah sejarah yang menjadi asas kepada analisis beliau dan terbahagi kepada tiga bentuk sumber, iaitu sumber utama, olahan berbentuk analogi dan senarai rujukan. Akhir sekali, bab keempat yang menutup perbincangan dengan menjelaskan prinsip falsafah sejarah dalam IDSKM meliputi tiga prinsip, iaitu prinsip tazkirah, pandangan alam Islam dan epistemologi Islam.

Bahagian awal buku ini, penulis menghuraikan latar belakang dan kesarjanaan Syed Muhammad Naquib al-Attas sebagai tokoh penting dalam tradisi keilmuan Islam dan sejarah kebudayaan Melayu. Penulis menghuraikan secara terperinci tentang salasilah keluarga, permusafiran ilmu dan perjalanan pendidikan al-Attas yang menjadi pendorong kepada beliau dalam mendalami ilmu sejarah kebudayaan Melayu, falsafah Islam dan sastera dengan lebih mendalam. Selain itu, turut dijelaskan bahawa peluang yang diperoleh dalam mengakses bahan ilmiah melalui kemudahan perpustakaan milik bapa saudaranya, iaitu Ungku Abdul Aziz yang merupakan kaum kerabat diraja Johor, telah memupuk kesungguhan al-Attas dalam menuntut ilmu serta menghasilkan karya yang bermutu tinggi. Kegigihan beliau dalam menuntut ilmu telah menjadikan beliau antara individu terawal mendapatkan ijazah Doktor Falsafah dan merupakan yang pertama memperolehnya dari University of London. Selain itu, al-Attas turut terlibat secara aktif dalam wacana ilmiah di peringkat dalam dan luar negara, sekali gus menerima pengiktirafan dari seluruh pelosok dunia sebagai penghargaan kepada al-Attas sebagai tokoh berwibawa yang menyumbang dalam pelbagai bidang kelimuan. Disamping itu, pelantikan beliau dalam pelbagai jawatan penting di UM, UKM dan International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC) turut membuktikan pengaruh intelektualnya yang penting dalam wacana keilmuan di Malaysia. Selain kecemerlangan beliau dalam bidang akademik, penulis turut menggambarkan al-Attas sebagai seorang yang berjiwa seni melalui keupayaannya dalam mengintegrasikan kaligrafi Islam dengan seni bina berciri tradisional dan moden yang dapat dilihat melalui pada reka bentuk logo UKM dan ISTAC serta bendera rasmi UMNO. Secara keseluruhan, bab satu ini berperanan penting dalam memahami kerangka pemikiran al-Attas yang menjadi tunjang kepada analisis falsafah sejarah dalam bab-bab berikutnya.

Perbincangan diteruskan dalam bab kedua dengan membahaskan tentang tipologi falsafah sejarah menurut Syed Muhammad Naquib al-Attas yang dihuraikan melalui lima bahagian utama, selaras dengan lima bab dalam karya IDSKM. Lima bahagian tersebut merangkumi perbincangan tentang konsep sejarah dan falsafah sejarah, teori falsafah sejarah Henri Pirenne, pentafsiran semula sejarah Islam di Alam Melayu, pengabaian peranan Islam di Alam Melayu serta usaha memartabat bahasa, kesusasteraan dan kebudayaan melayu. Penyusunan lima bahagian dalam IDSKM ini menunjukkan bahawa al-Attas berfikir secara kritis serta mendedahkan pengaruh ideologi dan anasir Barat yang telah membentuk tanggapan dalam masyarakat Melayu terhadap sejarah dan kebudayaan. Oleh itu, usaha al-Attas dalam mengembalikan peranan Islam di Kepulauan Melayu-Indonesia dilaksanakan melalui penstrukturan semula falsafah sejarah dengan menilai semula tanggapan Barat terhadap Islam dalam sejarah kebudayaan Melayu dengan visi khusus melalui agenda memartabatkan ilmu,

bahasa dan kebudayaan Melayu yang berteraskan Islam, melalui penubuhan Institut Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, yang kini dikenali sebagai Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) di UKM. Secara keseluruhan, bab dua membincangkan pendekatan al-Attas dalam menyusun tipologi falsafah sejarah sebagai kerangka konseptual untuk memahami kedudukan dan kandungan Islam dalam sejarah serta perkembangan kebudayaan Melayu secara bersepadu. Pendekatan ini menegaskan keperluan kerangka falsafah yang bersepadu agar penafsiran sejarah tidak terikat kepada pengaruh falsafah Barat serta tradisi Hindu dan Buddha yang menilai tamadun berdasarkan unsur kesenian semata-mata tanpa asas falsafah yang kukuh.

Sumber falsafah sejarah turut dibincangkan secara terperinci dalam bab ketiga, yang digunakan oleh al-Attas dalam karya IDSKM. Menurut penulis, karya IDSKM yang pada asalnya berbentuk teks syarahan dan tidak meletakkan rujukan secara khusus sama ada berbentuk nota kaki mahupun pengarang dan tarikh. Walau bagaimanapun, al-Attas tetap merujuk kepada pelbagai sumber utama bagi menyokong tafsiran beliau, seterusnya menafsirkan pandangan dan konsep penting secara sistematik dalam karya IDSKM. Selain itu, beliau turut menggunakan analogi dan perbandingan yang membolehkan pembaca memahami hubungan antara sejarah, budaya dan prinsip falsafah sejarah. Penulis turut menekankan bahawa al-Attas memanfaatkan bahan bacaan ilmiah yang pelbagai, sekali gus menunjukkan ketelitian dan kebijaksanaan beliau dalam menilai serta menolak pandangan orientalis yang tidak selari dengan kerangka falsafah sejarah beliau. Hal ini menunjukkan bahawa, meski karya IDSKM kekurangan sumber primer secara eksplisit, namun karya ini tetap kukuh dengan kualiti analisis dan interpretasi serta berperanan sebagai rujukan penting untuk memahami falsafah sejarah kebudayaan Melayu secara mendalam.

Sebagai penutup, penulis meneliti prinsip falsafah sejarah al-Attas yang menekankan peranan Islam sebagai tiga prinsip utama, iaitu prinsip tazkirah, pandangan alam Islam dan epistemologi Islam. Menurut kefahaman penulis, prinsip tazkirah merupakan pengenalan kepada falsafah sejarah al-Attas. Hal ini kerana, dalam mempelajari sejarah, peranan tazkirah berfungsi sebagai sumber pengajaran dan peringatan daripada peristiwa lampau agar kesilapan yang sama tidak berulang lagi. Sebagaimana yang dihuraikan dalam buku ini, Barat membawa ideologi tersendiri yang berasaskan rasionalisme dan pendekatan saintifik semata-mata, sekali gus mengabaikan peranan Islam dalam penafsiran sejarah. Justeru, menerusi prinsip tazkirah yang diketengahkan oleh al-Attas, beliau menegaskan bahawa masyarakat Islam perlu berusaha mengkaji dan mendalami sejarah serta kebudayaan Islam yang sebenar tanpa bergantung kepada penulisan sejarawan Barat yang cenderung mengabaikan sumbangan Islam. Manakala dalam pandangan alam Islam, al-Attas menekankan sudut pandang yang menyeluruh dan komprehensif, merangkumi faktor rasional fakta serta sumber sejarah. Selain itu, al-Attas turut menekankan bahawa alam dalam Islam mencerminkan hakikat dan kebenaran mengenai alam semesta. Dalam kenyataannya "*What is meant by 'worldview' according to the perspective of Islam*", beliau menjelaskan bahawa pemahaman pandangan alam Islam bermula dari mata hati dan membawa kepada penjelasan hakikat wujud. Manakala, bagi epistemologi Islam melengkapkan dua prinsip awal dengan menekankan nilai kebebenaran dan rasional sebagai asas dalam memahami makna dan tujuan sejarah, al-Attas menyatakan ilmu sejarah diperoleh melalui empat saluran, iaitu pancaindera, akal fikiran sihat, intuisi dan berita yang benar, dengan al-Quran dan as-Sunnah sebagai sumber utama. Pendekatan ini menunjukkan bagaimana al-Attas membina kerangka falsafah sejarah yang bersepadu berlandaskan pandangan alam Islam.

Kekuatan utama buku 'Falsafah Sejarah Syed Muhammad Naquib Al-Attas: Analisis Teks Islam dan Sejarah Kebudayaan Melayu' terletak pada keupayaan penulis menghuraikan peranan Islam dalam pembentukan sejarah dan kebudayaan Melayu secara jelas, teratur dan berteraskan kerangka pemikiran al-Attas. Gaya penulisan yang ringkas namun padat yang hanya merangkumi 85 muka surat sesuai diamati oleh penuntut ilmu, para pendidik serta pengkaji dalam bidang sejarah dan falsafah Islam. Selain itu, keupayaan penulis mengekalkan keseimbangan antara fakta sejarah dan interpretasi falsafah turut mempertingkatkan nilai ilmiah buku ini. Walau bagaimanapun, buku ini mempunyai beberapa kekurangan, iaitu ketiadaan huraian yang lebih kritikal terhadap teori dan pandangan falsafah Barat yang mempengaruhi wacana sejarah di Alam Melayu, serta kurang penjelasan yang mendalam tentang bagaimana masyarakat Melayu terkesan oleh analogi dan kerangka pemikiran Barat. Selain itu, ketiadaan huraian yang lebih terperinci yang membincangkan mengenai kemunculan agama Hindu dan Buddha di Kepulauan Melayu-Indonesia dari sudut falsafah agama dan implikasinya terhadap pembentukan pemikiran masyarakat di Kepulauan Melayu-Indonesia. Justeru, pengulas berpendapat bahawa penulis mengandaikan para pembaca telah mempunyai pemahaman awal mengenai sejarah dan kebudayaan Melayu, termasuk kedatangan serta pengaruh Barat, Hindu dan Buddha di Kepulauan Melayu-Indonesia.

Secara keseluruhan, buku ini merupakan sumber rujukan yang penting bagi penuntut ilmu dan pengkaji yang ingin memahami falsafah sejarah, khususnya konteks Islam dalam sejarah dan kebudayaan Melayu. Kandungannya yang bersifat huraian padat tetapi masih memenuhi konteks ilmiah menjadikan buku ini sesuai sebagai asas kepada pembacaan lanjutan dalam bidang falsafah sejarah dan peranan Islam dalam kebudayaan Melayu. Bagi penambahbaikan, pengulas mencadangkan agar edisi akan datang dapat memperluaskan analisis kritikal terhadap pandangan serta memberikan huraian terperinci mengenai teori dan falsafah yang memerlukan penjelasan lanjut. Pemeriksaan ini bukan sahaja berpotensi memperkukuhkan sumbangan akademik buku, malah dapat memperbaiki kejelasan penyampaian, sekali gus memberi manfaat yang lebih luas kepada masyarakat dalam konteks wacana falsafah sejarah dan tamadun Melayu.

Hawa Hanida Jemain

Sarjana Pendidikan (Pengajian Islam)
Fakulti Sains Pendidikan dan Teknologi (FEST)
Universiti Teknologi Malaysia

Dr. Muhammad Talhah bin Ajmain @ Jima'ain

Akademi Tamadun Islam (ATI)
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSH)
Universiti Teknologi Malaysia